

PENGUMUMAN

PELAKSANAAN PERKHIDMATAN MQA DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI NEGERI SELANGOR (BERKUAT KUASA MULAI 13 JANUARI 2021)

1. Susulan pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh kerajaan yang melibatkan enam (6) buah negeri termasuk negeri Selangor **mulai 13 Januari 2021**, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) akan beroperasi **seperti biasa** tertakluk kepada pematuhan terhadap Prosedur Operasi Standard yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).
2. Orang ramai termasuk pihak-pihak berkepentingan dimohon mengambil maklum pelaksanaan urusan MQA seperti berikut:

| Bil. | Urusan: | Perlaksanaan Urusan: |
|------|---|---|
| a. | Perkhidmatan Kaunter Permohonan dan Serahan Dokumen | Melalui pos atau kaunter khas <i>drop-off</i> di Mercu MQA |
| b. | Hari Mesra Pelanggan | Dalam Talian |
| c. | Lawatan Penilaian Akreditasi | MQA <i>Virtual Audit</i> (MQAVA) |
| d. | Sijil Akreditasi/APEL | Melalui pos |
| e. | Latihan Jaminan Kualiti | Dalam Talian |
| f. | Surat Nilai Taraf/Pengesahan Pengiktirafan | Melalui pos |
| g. | Pembayaran Perkhidmatan | Pembayaran secara <i>JomPay</i> atau Draf Bank (pos atau kaunter khas <i>drop-off</i>) |

3. Selain perkhidmatan MQA yang dinyatakan di atas, segala urusan akan dilaksanakan melalui kaedah pos dan e-mel.
4. Takwim permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh Bagi Tahun 2021 adalah kekal sepertimana yang telah ditetapkan dalam portal MQA.
5. Urusan perbincangan dan perundingan berkaitan perkhidmatan MQA akan dilaksanakan **secara dalam talian** berdasarkan penetapan janji temu melalui saluran berikut: <https://www.picktime.com/AgensiKelayakanMalaysiaMQA> .
6. Pertanyaan lanjut atau khidmat nasihat khusus juga boleh disalurkan ke sistem atau e-mel berikut:
 - Pertanyaan Umum : <https://www2.mqa.gov.my/sppa/>
 - Pendaftaran Program : unitpendaftaran@mqa.gov.my
 - *Accreditation of Prior Experiential Learning* (APEL) : apeladmin@mqa.gov.my
 - Nilai Taraf/Pengesahan Pengiktirafan : esisraf@mqa.gov.my
 - Sijil Akreditasi/*Malaysian Qualifications Register* (MQR) : unitsijil@mqa.gov.my / mqr@mqa.gov.my
 - Latihan Jaminan Kualiti : upjk.mqatc@mqa.gov.my
7. Sebarang pengumuman berkenaan pelaksanaan perkhidmatan MQA akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)
13 JANUARI 2021**